

# USIM kumpul dana bantu mahasiswa kurang mampu

**Bandar Baru Nilai:** Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) mengambil inisiatif mewujudkan program 3F iaitu 'Fund for Food and Fees' bagi mengumpul dana untuk pelajar kurang berkemampuan di universiti itu.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof Datuk Dr Hassan Basri Awang Mat Dahan, berkata program itu akan bermula pada April nanti dengan mengadakan satu majlis makan malam amal membabitkan alumni USIM bagi mengisi dana itu.

Katanya, dana yang dikumpulkan itu akan diagihkan kepada 200 pelajar yang kurang berkemampuan.

"Inisiatif ini diambil bagi memastikan tidak berlaku kes keciciran pelajar yang memerlukan bantuan terutama di universiti ini.

## **Kebajikan pelajar jadi keutamaan**

"Kebajikan pelajar menjadi keutamaan USIM sepanjang masa dan dua perkara membabitkan siswa yang sentiasa diberi keutamaan adalah yuran serta sara hidup sepanjang pengajian di universiti," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Selain itu, Hassan Basri berkata, pada semester akan datang iaitu bulan depan, USIM dengan kerjasama Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) akan menganjurkan taklimat pengurusan kewangan bertujuan memastikan mereka bijak menguruskan pinjaman atau biasiswa.

Beliau berkata, USIM tidak menerima laporan kes pelajar mengalami masalah kewangan hingga menjejaskan makan, minum dan kesihatan mereka.